



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## SIARAN MEDIA

---

### **'KEMUNCAK KECEMERLANGAN' DIANGKAT SEBAGAI TEMA ANUGERAH SERI ANGKASA 2022, KATEGORI MEDIA BAHARU DIWUJUDKAN**

**PUTRAJAYA, 18 Oktober 2022** – Seiring usia penganjuran yang mencapai Jubli Emas pada tahun ini, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM) mengangkat 'Kemuncak Kecemerlangan' sebagai tema Anugerah Seri Angkasa 2022 (ASA 2022) yang merupakan pemangkin kepada penghasilan karya-karya bermutu industri penyiaran khususnya di peringkat nasional.

Berbanding pada tahun-tahun sebelumnya, pada tahun ini sebanyak 1,586 percalonan ASA 2022 telah dikemukakan, manakala sebanyak 1,354 telah diterima kerana menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan. Daripada jumlah tersebut 1,035 pencalonan adalah bagi Kategori Televisyen, 276 bagi Kategori Radio dan 43 bagi Kategori Media Baharu yang buat julung kalinya diperkenalkan sesuai dengan peredaran zaman yang kini ke arah digital.

Selain tiga kategori yang dipertandingkan, terdapat dua anugerah khas iaitu Anugerah Khas Juri dan Tokoh Anugerah Seri Angkasa akan disampaikan pada malam kemuncak ASA 2022. Malam Anugerah Seri Angkasa bakal diadakan pada 29 Oktober 2022 (Sabtu) dan Kemuncak Anugerah Seri Angkasa pula akan diadakan pada 30 Oktober 2022 (Ahad) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Sesuai dengan statusnya sebagai anugerah berprestij, proses penjurian dilaksanakan secara adil dan telus oleh 55 orang juri yang terdiri daripada pemain industri berpengalaman luas dalam penghasilan program televisyen, radio dan media sosial dan keputusan juri ini akan disahkan oleh dua orang juruaudit yang dilantik terdiri daripada wakil K-KOMM serta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr Annuar Haji Musa yang hadir melancarkan Kira Detik Malam Kemuncak Anugerah Seri Angkasa 2022 turut mengumumkan bahawa para pemenang bukan sahaja membawa pulang trofi kemenangan masing-masing, bahkan buat julung kalinya mereka bakal menerima hadiah berbentuk wang tunai bagi setiap kategori yang dimenangi. Begitu juga bagi Tokoh Anugerah Seri Angkasa 2022 dan Tokoh Anugerah Khas Juri masing-masing turut diberikan hadiah berupa wang tunai.

Selain itu, antara perubahan besar yang dibuat pada tahun ini adalah dua (2) Pemenang Kategori Utama iaitu Drama Terbaik dan Dokumentari Terbaik akan turut menerima Dana Kandungan Digital (DKD) sebanyak RM200,000.00 dan RM150,000.00 masing-masing. Ini adalah selaras dengan Pelan Pemulihan Negara di mana DKD bertujuan untuk membantu serta menggalakkan pengamal industri kreatif menghasilkan, memasarkan dan mengedar kandungan kreatif yang tinggi nilainya kepada pasaran tempatan serta antarabangsa terutama dalam fasa pasca COVID-19.

Hadir sama Ketua Setiausaha K-KOMM, YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek dan para penggiat industri penyiaran tempatan.

**Dikeluarkan oleh:**

**Jawatankuasa Promosi dan Publisiti**

**Anugerah Seri Angkasa 2022**